



SOALAN LAZIM

PROGRAM PENAJAAN PENGAJIAN TERTIARI 2021 TERTIARY EDUCATION SPONSORSHIP PROGRAMME (TESP 2021)

1. Apakah itu Program Penajaan Pengajian Tertiar (TESP 2021)?

Program Penajaan Pengajian Tertiar adalah program penajaan berbentuk **Pinjaman Boleh Ubah** di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk pelajar lepasan STPM 2019, Matrikulasi / Asasi / Diploma dan setaraf yang telah ditawarkan pengajian peringkat Ijazah Pertama dalam bidang dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terpilih bagi sesi kemasukan **Mac 2021**. Pelajar yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Pertama juga boleh memohon.

2. Apakah syarat kelayakan yang ditetapkan oleh pihak MARA?

Syarat kelayakan Program ini boleh dirujuk dalam garis panduan permohonan yang diletakkan di Portal MARA.

3. Dimanakah saya boleh menyemak senarai bidang dan Institusi Pengajian Tinggi terpilih yang ditetapkan oleh pihak MARA?

Senarai tersebut boleh dirujuk di dalam garis panduan permohonan yang diletakkan di Portal MARA.

4. Saya sedang mengikuti pengajian peringkat Diploma, adakah saya layak memohon?

Tidak boleh. Program ini dibuka kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Pertama sahaja.

5. Saya berada di tahun kedua dan sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di IPT tempatan, adakah saya layak memohon?

Anda layak memohon Program TESP ini sekiranya Institusi Pengajian Tinggi anda berada di dalam senarai IPT yang dipilih oleh MARA.

6. Adakah Program TESP 2021 ini adalah Biasiswa yang ditawarkan oleh MARA?

Ini adalah pinjaman bolehubah. Pelajar perlu membuat permohonan pengurangan bayaran balik setelah tamat pengajian nanti. Selain itu, pinjaman ini tidak dikenakan sebarang kadar faedah.

7. Bagaimanakah cara untuk memohon Program TESP 2021?

Permohonan boleh dibuat secara atas talian (online) melalui laman web rasmi MARA <http://www.mara.gov.my> apabila permohonan dibuka. Pemohon hendaklah mendaftar terlebih dahulu sebelum mengisi permohonan. Pemohon juga dinasihatkan membaca dan memahami panduan yang disediakan sebelum membuat permohonan.



SOALAN LAZIM

PROGRAM PENAJAAN PENGAJIAN TERTIARI 2021 TERTIARY EDUCATION SPONSORSHIP PROGRAMME (TESP 2021)

- 8. Bilakah permohonan TESP 2021 akan dibuka?**
Permohonan dibuka selama 19 hari bermula **01 Mac 2021 (Isnin)** sehingga **19 Mac 2021 (Jumaat)**.
- 9. Bolehkah saya memohon Program TESP 2021 sekiranya Ibu/bapa saya telah disenaraihitam MARA?**
Tidak boleh. Ibu, ayah, penjaga, penjamin dan pemohon perlu bebas dari senarai hitam MARA. Pemohon dinasihatkan menyemak status senarai hitam di Bahagian Kawalan Kredit MARA sebelum memohon Program TESP 2021.
- 10. Saya mendapat PNGK 3.0 di peringkat asasi. Bolehkah saya memohon?**
Ya, boleh. Permohonan hanya dibuka kepada pelajar-pelajar lepasan asasi dan setaraf yang telah tamat pengajian pada 2020 sahaja.
- 11. Adakah saya perlu menghantar apa-apa dokumen selepas membuat permohonan secara atas talian?**
Pemohon terlebih dahulu mengisi dan melengkapkan permohonan secara atas talian (*online*). Penghantaran dokumen hanya perlu dibuat setelah pihak kami meminta pemohon berbuat demikian.
- 12. Bilakah saya boleh membuat semakan keputusan?**
Pemohon adalah dinasihatkan untuk sentiasa membuat semakan di emel masing-masing dari semasa ke semasa bagi mengetahui sebarang maklumat terkini.
- 13. Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi MARA sekiranya ada sebarang pertanyaan?**
Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi talian dan emel seperti berikut:-
Telefon : 03-2613 2034 / 2070 / 2582 / 2058 / 2087 / 2024
Emel : tesp@mara.gov.my

TAMAT